

## **KAJIAN FUTURISTIK DAN HUBUNGANNYA DENGAN PEMBANGUNAN PERADABAN ISLAM DI MALAYSIA**

*(The Futuristic Study and The Relationship with the Development of  
Islamic Culture in Malaysia )*

Hernawati Nasir & Suraya Sintang

### **ABSTRAK**

Kertas kerja ini mengetengahkan perbincangan tentang kajian futuristik dan hubungannya dengan pembangunan peradaban Islam di Malaysia. Perspektif kajian futuristik memfokuskan sudut pandangan futuris Muslim kontemporari iaitu, Ziauddin Sardar. Kajian ini menggunakan pendekatan analisis teks yang membincangkan formula kerangka peradaban Islam pada masa depan berdasarkan idea dan gagasan pemerintahan Perdana Menteri; bermula daripada gagasan Wawasan 2020 era Tun Dr. Mahathir Mohamad, agenda Islam Hadhari era Tun Abdullah Ahmad Badawi dan gagasan 1Malaysia melalui program Transformasi era Dato' Najib Tun Razak. Hasil kajian menunjukkan strategi mencapai negara maju semakin jelas melalui transisi kehidupan orang Melayu di bandar, namun komited dengan cara hidup Islami. Boleh dikatakan Malaysia kelak akan mencapai negara maju dengan masyarakat Melayu Muslim yang masih kukuh dengan nilai-nilai Islami.

**Kata kunci:** kajian Futuristik, Peradaban Islam, Wawasan 2020, Islam Hadhari, 1Malaysia

### **ABSTRACT**

This paper discusses the future study and its relations to the development of civilization of Islam in Malaysia. The viewpoint of the future study is examined from the perspective of Muslim contemporary futurist, Ziauddin Sardar. The method used is content analysis by exploring the futuristic ideas of previous prime ministers during their administrative periods; initiation of the Vision 2020 by Tun Dr Mahathir Mohamad, the conception of Islam Hadhari by Tun Abdullah Ahmad Badawi and the establishment of Transformation by Dato' Najib Tun Razak. The finding shows that the strategy towards formation the developed country has clearly been seen in the transition of the Malay to the urban area where they still manage to maintain the lifestyle of Islam as they are living in the village. The study concludes that Malaysia will achieve the target to be developed country with the Islamic values in the life of the Malays.

**Key words:** Future study, Civilization of Islam, Vision 2020, Islam Hadhari, 1Malaysia

### **PENGENALAN**

Kajian futuristik berkait rapat dengan Malaysia sebagai sebuah negara membangun yang masih memikirkan formula terbaik bagi membentuk negara maju berdasarkan acuan sendiri. Pelbagai formula telah diketengahkan agar Malaysia tetap berada pada landasan peradaban Islam sekalipun telah mencapai kemodenan dan kemajuan fizikal. Proses memformulasikan agenda negara maju berlandaskan peradaban Islam pada masa depan dapat dilihat melalui fasa pemerintahan Perdana Menteri bermula daripada gagasan Wawasan 2020 era Tun Dr.

Mahathir Mohamad, agenda Islam Hadhari era Tun Abdullah Ahmad Badawi dan gagasan Malaysia melalui program Transformasi era Dato' Najib Tun Razak. Usaha membentuk peradaban masa depan ini diperkukuhkan lagi dengan dasar dan amalan Islamisasi dalam bidang perekonomian seperti Sistem Perbankan Islam, Takaful, Kewangan Islam dan terkini pelancaran pelaksanaan Indeks Syariah Malaysia. Usaha ini merupakan beberapa strategi awal untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju berperadaban Islam. Kertas kerja ini membincangkan pembangunan peradaban Islam di Malaysia daripada perspektif kajian futuristik dengan memfokuskan sudut pandangan futuris Muslim kontemporari iaitu, Ziauddin Sardar.

### ***Definisi Kajian Futuristik***

Kajian futuristik adalah satu bidang baharu dalam sejarah intelektual Barat dan disifatkan sebagai satu bidang inter-disiplin. Ia merupakan satu percubaan untuk mengkaji kemungkinan dan kebarangkalian masa depan yang dikehendaki untuk manusia. Dalam peradaban manusia, kajian masa depan bukan fenomena baru kerana hampir semua tamadun dan masyarakat mempunyai versi atau tatacara untuk meramal dan mengkaji masa depan masing-masing seperti astrologi, numerologi, menelek nasib melalui tapak tangan (palm reading) dan pelbagai cara lagi.

Senario masa depan perlu difahami kerana berlaku perubahan drastik yang sebahagian besar disebabkan perubahan teknologi dan peningkatan kebergantungan antara negara dan masyarakat dunia yang semakin mengecil. Kajian masa depan tidak hanya menawarkan teori semata-mata, malah turut diaplikasikan dalam pelbagai aspek kehidupan. Dalam konteks masa kini, aplikasi kajian masa depan merupakan satu keperluan strategik yang tidak hanya digunakan dalam bidang ketenteraan, peningkatan ekonomi dan kelestarian alam sekitar, malah ia juga begitu kritikal dan relevan dalam memahami perubahan sosial yang memberi impak terhadap masa depan. Intipati utama kajian masa depan melibatkan isu global yang melihat perkaitan antara pertumbuhan penduduk dunia, bekalan makanan dan kelaparan, sumber tenaga, pencemaran alam sekitar, kelestarian pembangunan dan perubahan cuaca dunia dan bencana alam.

Dator (1996) First law of Futures menyatakan masa depan tidak boleh dijangka tetapi boleh diramal dan masa depan yang diinginkan boleh dicipta secara berterusan. Ramalan (forecast) dan visi (vision) merupakan aktiviti epistemologi yang berasaskan teori ilmu yang menyediakan ilmu pengetahuan dengan beberapa kemungkinan yang terbatas dan tidak boleh ditetapkan kepastiannya. Dalam konteks kajian masa depan sosial berdasarkan masyarakat Barat kontemporari, ia dapat difahami berdasarkan analisis pemikiran futuris Alvin Toffler yang merupakan salah seorang printis teori masa depan 'The Third Wave Society' (1980) atau the information society. Teori Alvin Toffler ini merupakan teori masa depan sosial (the theory of social futurism) yang dianggap sebagai teori yang begitu besar dan bermakna dalam bidang kemanusiaan dan teori yang diklasifikasikan sebagai teori masyarakat pasca-industri (the theory of post-industrial society). Wan Fariza (2010) menyatakan teori ini merupakan satu keunikan analisis Barat dalam mengkaji fenomena kemodenan dan bagaimana kemodenan ini difahami dan dibentuk mengikut konteks masyarakat Barat khususnya dan masyarakat global umumnya pada masa depan.

Intipati utama teori masa depan adalah memikirkan tentang kelestarian masyarakat manusia (sustainability of human society). Berdasarkan paradigma sekular moden yang melihat perkembangan dan kemajuan manusia melalui proses sosio-sejarah, satu cara memahami perkembangan manusia sebagai fenomena universal. Dalam konteks kajian masa

depan, teori masa depan sosial dirujuk kepada The Third Wave Civilization (Peradaban Gelombang Ketiga) ataupun Post-Industrial Society (Masyarakat Pasca-Industri). Teori ini cuba mengkaji dan menjangka jenis atau bentuk masyarakat yang akan muncul pada masa depan mengikut ruang lingkup Barat moden dan pasca-moden. Wacana masyarakat pasca-industri atau super-industri ini menjelaskan idea tentang teori peringkat pembangunan sosial dengan menyatakan bahawa masyarakat manusia berkembang melalui beberapa peringkat. Namun, Toffler dan ahli futuris lain menyatakan dalam peringkat pembangunan manusia, ia tidak hanya berlaku dalam ruang lingkup masyarakat itu sahaja, sebaliknya perkembangan itu dipengaruhi teknologi, ekonomi, politik dan gaya hidup.

Alvin Toffler melalui trilogi penulisannya *Future Shock* (1970), *The Third Wave* (1980) dan *Powershift* (1991), pada dasarnya menjelaskan tesis utamanya tentang masa depan masyarakat dalam kerangka peradaban baru yang dinamakan sebagai 'The Third Wave Civilization' (Peradaban Gelombang Ketiga). Perkara utama yang diketengahkan Toffler dalam tesisnya ialah elemen perubahan dan implikasi perubahan yang dilalui manusia sehingga menyebabkan timbulnya gejala atau penyakit masa depan atau 'kejutan masa depan' (future shock) dan bagaimana manusia menangani dan menyesuaikan diri pada masa depan (theory of adaptation). Intipati utama idea Toffler ialah perubahan drastik ataupun kederasan perubahan boleh jadi lebih penting daripada halatuju perubahan dan aplikasi perubahan yang telah dirancang (Toffler, 1970: 6). Dalam buku *Future Shock* (1970), Toffler menggunakan "pendekatan analisis" bagi terma-terma kontemporari berhubung dengan masa depan, senario-senario dan isu-isu semasa untuk memahami permasalahan yang dihadapi masyarakat. Toffler menarik perhatian umum dengan memperkenalkan terma-terma yang berkaitan dengan revolusi super-industrialisasi dan proses super-teknologi yang menyebabkan timbulnya permasalahan kompleks yang dihadapi masyarakat sehingga mengakibatkan berlakunya kejutan masa hadapan dalam dimensi fizikal dan psikologikal.

Idea Toffler tentang masa depan bertujuan untuk meningkatkan kesedaran tentang masa depan dalam kalangan individu dan masyarakat. Dengan adanya kesedaran ini, ia membantu memahami isu-isu dalam terma-terma utama berhubung masa depan. Toffler selanjutnya menjelaskan tujuan mempelajari perubahan dalam perspektif peradaban bukan untuk meramal sebuah masyarakat yang sempurna seperti idea Marxist bagi masyarakat sosialis dan Plato bagi masyarakat Republik. Sebaliknya, Toffler cuba menyelongkar masa depan dan dengan semangat ini konsep kejutan masa depan (Future shock) dan teori penyesuaian (adaptation theory) dibangunkan sebagai andaian pertama tentang realiti baru yang dipenuhi dengan pelbagai cabaran. Demi kelangsungan keperluan manusia, maka perlu dikaji perubahan dan masa depan. Dengan kata lain, pembangunan kajian masa depan dan aplikasi pemikiran masa depan begitu berkait rapat dengan perubahan yang sentiasa berlaku dalam kehidupan seharian manusia dan perkara ini merupakan satu fenomena sihat dan tidak dapat dielakkan.

Secara keseluruhan, idea kajian masa depan Toffler menunjukkan bahawa ilmu pengetahuan dan teknologi merupakan dua elemen penentu bagi menyediakan masyarakat mendepani cabaran perubahan yang selanjutnya berupaya membawa masyarakat kepada proses transformasi ke arah membentuk Peradaban Gelombang Ketiga. Bertitik tolak daripada teori inilah, teori masyarakat pasca industri (post-industrial society) diperkenalkan oleh sarjana futuris Barat yang lain. Hakikatnya, analisis kajian masa depan Toffler melalui teori Peradaban Gelombang Ketiga menjelaskan senario masyarakat global adalah mereka yang memiliki pelbagai budaya dan agama yang mampu hidup dan tinggal bersama secara adil dan saksama. Dengan kata lain, Peradaban Gelombang Ketiga adalah visi bagi peradaban global

yang bersifat 'multi-centric' pada masa hadapan. Teori futuristik Barat ini berbeza sekiranya dibincangkan daripada perspektif Islam yang melihat masa depan tidak hanya berkaitan dengan persoalan masa tetapi juga pertanggungjawaban ke atas individu Muslim dalam memakmurkan alam dunia demi kesejahteraan hidup di akhirat kelak.

### ***Kajian Futuristik daripada Perspektif Islam***

Kajian futuristik daripada perspektif Islam secara umum dapat dilihat melalui ajaran Islam itu sendiri yang menekankan konsep masa yang bermula di dunia dan berkesinambungan sehingga ke akhirat. Apa yang kita lakukan hari ini sama ada baik ataupun buruk akan memberi kesan dan implikasi pada masa depan di akhirat kelak sama ada bersifat ganjaran baik mahupun balasan jahat mengikut amalan di dunia.

Secara lebih khusus, penelitian tentang masa depan ini dapat dilihat melalui penjelasan Al-Qur'an melalui kisah Nabi Yusuf dan Firaun (Raja Mesir) dalam surah Yusuf 12:46-49:

*(Setelah ia berjumpa dengan Yusuf, berkatalah ia): " Yusuf, Wahai orang yang benar (pada segala-galanya)! tafsirkanlah kepada kami (seorang bermimpi melihat): tujuh ekor lembu yang gemuk dimakan oleh tujuh ekor lembu yang kurus; dan tujuh tangkai (biji-bijian) yang hijau serta tujuh tangkai lagi yang kering; (tafsirkanlah) supaya aku kembali kepada orang-orang yang mengutusku itu, semoga mereka dapat mengetahui tafsirannya."*

*Yusuf menjawab:*

*"Hendaklah kamu menanam bersungguh-sungguh tujuh tahun berturut-turut, kemudian apa yang kamu ketam biarkanlah dia pada tangkai-tangkainya; kecuali sedikit dari bahagian yang kamu jadikan untuk makan.*

*"Kemudian akan datang selepas tempoh itu, tujuh tahun kemarau yang besar, yang akan menghabiskan makanan yang kamu sediakan baginya; kecuali sedikit dari apa yang kamu simpan (untuk dijadikan benih)".*

*"Kemudian akan datang pula sesudah itu tahun yang padanya orang ramai beroleh rahmat hujan, dan padanya mereka dapat memerah (hasil anggur, zaitun dan sebagainya)".*

Muhammad Rashid Ridha (1954: 318) dalam Tafsir Al-Manar menjelaskan bahawa tafsiran Yusuf tentang mimpi Raja Mesir untuk membuat persediaan menghadapi bencana kelaparan akibat kemarau menunjukkan semangat berpandangan jauh ke hadapan (the spirit of forward looking outlook). Penjelasan yang sama turut diutarakan oleh Yusuf al-Qardawi (1996: 150) yang menyatakan bahawa ayat-ayat dalam surah Yusuf ini merupakan contoh paling besar dalam pemikiran Islam yang berorientasikan pemikiran futuristik dan memberi signifikan utama dalam merencana strategi apabila Nabi Yusuf ingin melaksanakan perancangan dasar ekonomi 15 tahun akan datang bagi menangani bekalan

Kisah yang diceritakan dalam surah Yusuf mengandungi hikmah yang membuktikan kepentingan kajian dan pemikiran masa depan dalam merencana sesuatu perkara. Sebagaimana yang dijelaskan Wan Fariza (2010:165) pemikiran masa depan perlu diterapkan dalam minda orang Islam dan menggesa Muslim merancang masa depan dengan penuh kesedaran dan tanggungjawab bagi merencana strategi tertentu dan memperkukuh perjuangan

berterusan. Perencanaan melangkaui masa depan ini merupakan tuntutan dalam sebarang tindakan demi mencapai kejayaan dan kecemerlangan hidup. Ayat tersebut memberi signifikan bagi meningkatkan kesedaran terhadap umat Islam awal sebagai panduan Muslim dalam mengenal pasti elemen dan faktor perubahan dan konflik dari semasa ke semasa. Dengan kata lain, ayat ini menggesa Muslim agar mempelajari sosio-sejarah daripada perspektif yang lebih luas bagi merancang strategi dan hala tuju pada masa depan.

Sebagaimana al-Qur'an, hadith dan Sirah Nabi turut mencatatkan beberapa peristiwa yang berkaitan dengan persoalan masa depan. Menurut Al-Qardawi (1996: 150), hadith yang berkaitan dengan masa depan ini dikategorikan di bawah tiga klasifikasi iaitu: Bab al-Mulahim (bab yang berkaitan dengan peperangan yang disertai oleh Rasulullah s.a.w, Bab al-Fitan (bab yang berkaitan dengan konflik dan fitnah) dan Bab Asharat al-Sacah (tanda-tanda wahyu). Al-Qardawi (1996: 137) menjelaskan pemikiran strategik Nabi Muhammad s.a.w yang mengarahkan para sahabat berhijrah ke Ethiopia atas sebab kekejaman orang Musyrik, dan hal ini diputuskan setelah Rasulullah menjalankan penelitian dan memikirkan perancangan yang sesuai dengan mengambil kira keadaan politik dan agama masyarakat Ethiopia. Dari sudut geografi, Ethiopia merupakan tempat yang sesuai di mana masyarakatnya menganut agama Kristian (pada ketika itu mereka masih dianggap sebagai Ahli Kitab) yang begitu hampir hubungannya dengan kepercayaan orang Islam. Hal ini begitu menggalakkan kerana sikap Raja Ethiopia yang terkenal dengan sikap pemurah dan adil. Situasi inilah yang mendorong Nabi Muhammad s.a.w. memerintahkan penghijrahan sahabat ke Ethiopia atas dasar kesedaran terhadap pembangunan di kawasan tersebut dan krisis yang dihadapi di samping memikirkan masalah pengangkutan dan sistem komunikasi yang tidak begitu besar di Ethiopia. Hal ini menunjukkan sebarang keputusan yang dibuat oleh Rasulullah s.a.w. adalah berdasarkan keputusan yang mengambil kira kepentingan dan maslahat masa depan umat Islam dengan meneliti faktor sekeliling yang mempengaruhi keputusan pada masa depan.

Dengan itu dapat dijelaskan bahawa kajian masa depan sememangnya penting dalam konteks memahami perubahan masa kini bagi merencana hala tuju masa depan. Kepentingan kajian masa depan sebagaimana yang dijelaskan oleh Wan Fariza (2010) dapat dilihat dalam konteks merencana keperluan pendidikan generasi muda masa kini. Ini bermaksud sekiranya keperluan ilmu pengetahuan pada abad ke-21 menjurus ke arah kemahiran dalam bidang sains dan teknologi, maka institusi pendidikan seharusnya menggubal kurikulum berdasarkan keperluan dan kehendak pasaran semasa demi kelangsungan generasi akan datang. Dalam konteks ilmu pengetahuan yang bersifat tradisional seperti ilmu Usuluddin, Tafsir, Hadith, Syariah, perubahan yang dituntut bukan pada perubahan kandungan asal ilmu tersebut. Sebaliknya, perubahan dalam memahami dan memberi nafas baru pada kaedah dan metode pengajaran yang menepati ilmu moden yang berasaskan teknologi dan internet.

Sesungguhnya kajian masa depan dan penerapan ilmu ini dalam membuat keputusan yang berkaitan dengan bidang politik dan perundangan telah sekian lama dipraktikkan sejak zaman Rasulullah s.a.w sehingga zaman sahabat dan tabiin. Kepentingan kajian masa depan ini semakin berkembang dalam dunia Islam masa kini yang dapat dibahagikan kepada tiga kategori iaitu, i) penulisan yang berasaskan pengalaman kenabian yang diceritakan dalam al-Quran dan Hadith, ii) berdasarkan kajian dan iii) berdasarkan pembinaan semula idea baru (reconstruction). Daripada hasil penulisan yang ketiga inilah lahir pemikir Muslim kontemporari seperti Muhammad Iqbal *The Reconstruction of Religious Thought in Islam* (1936), M. Rafi-Ud-Din *Ideology of the Future* (1946) dan Ziauddin Sardar *The Future of Muslim Civilization* (Wan Fariza 2010: 167). Dengan kemunculan para intelektual Muslim kontemporari tersebut, maka kajian ini dihasilkan dengan menjurus kepada mengeksplorasi



idealisme Sardar bagi menjelaskan kajian futuristik dan kepentingannya dalam konteks pembangunan peradaban Islam di Malaysia yang memfokuskan terma ketamadunan mengikut fasa pemerintahan Perdana Menteri Malaysia melalui tiga gagasan iaitu Wawasan 2020, Islam Hadhari dan Transformasi Nasional.

### ***Kajian Futuristik Idealisme Ziauddin Sardar***

Kajian yang menghimpunkan idea tentang pemikiran masa depan dan metodologi penyelesaian dalam kerangka perbincangan pemikiran Islam dibincangkan oleh Ziauddin Sardar dalam bukunya *The Future of Muslim Civilization* (1979) dan *Islamic Futures: The Shape of Ideas to Come* (1988). Sardar menekankan kepentingan pemikiran masa depan sebagai satu cara untuk membangunkan paradigma dan metodologi dalam memahami dan mengaplikasikan ajaran Islam bagi membentuk semula peradaban Islam pada masa depan. Sardar mengetengahkan satu model projek peradaban yang dikenali sebagai “Projek Umran” dan pelan tindakan untuk direalisasikan oleh umat Islam khususnya dari kalangan golongan cendekiawan dan intelektual Muslim. Sardar turut menekankan matlamat Islamic futures untuk mensintesis semua elemen bagi membangunkan peradaban Islam sebagai satu pandangan sejagat yang dinamik dan progresif.

Ziauddin Sardar (2010) melihat masa depan didefinisikan berdasarkan imej Barat yang dibayangi acuan Barat dan momentum dalaman Barat. Bersandarkan visi Eurocentric (berpaksikan Barat), teknologi merupakan penggerak projek masa depan sebagaimana iklan dalam mempromosikan sesuatu produk. Produk yang diinginkan ini membangkitkan lagi keinginan dan teknologi diperlukan sebagai penyelesaian masalah. Seperti juga dasar penjajahan (colonisation) yang masa depannya adalah bertunjangkan ‘pembaratan’ (Westernisation), yang kini dikenali di bawah ‘globalisation’. Sungguhpun istilahnya tidak sama tetapi produk yang dihasilkan itu adalah sama, yakni proses mentransformasikan dunia kepada perkampungan kecil (global village), mengecilkan jarak, waktu dan ruang serta membentuk dunia dengan imej satu budaya dan satu peradaban. Justeru, sebarang istilah yang berkaitan dengan kajian Masa depan adalah bertunjangkan Eurocentrism.

Idealisme futuristik Sardar mengutamakan metodologi dan garapan epistemologi Islam bagi menjelaskan alternatif masa depan dapat ditentukan untuk membina dan melestarikan tamadun ummah. Fokus penulisan beliau ialah metodologi futuristik Islami dengan menggarap epistemologi Islam (teori-teori, sistem-sistem analisis, prinsip-prinsip) dan perincian syariah menggunakan lima sumber utama: al-Quran, al-Sunnah, ijtihad, ijmak dan qiyas. Projek Umran merupakan mekanisma rekonstruksi tamadun Islam. Sementara itu, Sistem Warrd merupakan mekanisma proses ijtihad yang sistematik bagi kajian masa depan yang menggunakan formulasi metodologi klasik dan epistemologi Islam bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah. Menurut Sardar, penulisan sejarah seharusnya digarap dalam bentuk disiplin dan epistemologi Islam, diolah dalam bentuk pensejarahan berorientasikan metodologi futuristik Islam membentuk paradigma atau model tamadun Islam yang boleh digunapakai dari zaman ke zaman seterusnya.

Pendekatan analisis Sardar dalam *The Future of Muslim Civilization* (1979) menjelaskan masa depan peradaban Islam bergantung pada masa lalunya dan masa yang dilaluinya sekarang. Dalam merancang pembinaan tamadun Islam pada masa hadapan, ia

memerlukan “analisis” terhadap pengalaman masa lalu. Dalam hal ini, Sardar menjelaskan bahawa terma ‘The Future Is In The Past’ adalah catatan sejarah tentang fakta-fakta yang dipilih, disahkan, diterangkan dan dianalisis. Sirah Nabawiyah, Negara Madinah, Khalifah al-Rashidin dan Zaman Kegemilangan Islam bukanlah kronologi data dan pengetahuan atau korpus fakta sejarah semata-mata tetapi merupakan sumber pensejarahan (historiography) untuk mencari nilai konseptual dan teoritikal yang menjurus kepada metodologi kajian futuristik Islam yang bersifat aktif, dinamik dan beroperasi. Sistem Sejarah Islam yang terbentuk daripada lima sub-sistem mengikut tahap pensejarahan akhirnya memberi bentuk idea, teori, konsep dan realiti yang dapat mempengaruhi dan mengubah keadaan dunia dan masa depan. Struktur metodologi yang terbaik untuk menentukan alternatif masa hadapan peradaban Islam adalah berlandaskan lima sumber: al-Quran dan al-Sunnah (the absolute frame of reference), ijtihad, ijmak dan qiyas. Dalam menghadapi permasalahan dan keperluan kontemporari, ijtihad berperanan besar sebagai prinsip yang menyediakan sistem yang stabil mengikut peredaran masa.

Menyentuh terma “The Future Is In The Present”, Sardar membincangkan bagaimana lapisan penebat (insulting layer) Sistem Hierarki Kesedaran dalam Sistem Islam boleh diperkukuhkan dalam melawan arus pemodenan masa kini. Dalam keadaan Toffler (1970) membangunkan kesedaran terhadap impak kuasa ejen perubahan masa kini iaitu sains dan teknologi yang menghasilkan tekanan dalaman, kecelaruan, kekeliruan dan kejutan, Sardar pula hadir dengan strategi futuristik Islam berdasarkan pengetahuan empat sub-sistem dalam Sistem Hierarki Kesedaran, Tazkiyah iaitu penjanaan kesedaran sendiri bermula dengan kesedaran sub-sistem kesedaran diri, kesedaran masyarakat, kesedaran ummah dan kesedaran kemanusiaan dan dunia.

“Pendekatan sintesis” Sardar (1988) dalam buku *Islamic Futures* pula menjelaskan syariah merupakan metodologi penyelesaian-masalah dalam usaha menentukan alternatif masa depan dan survival tamadun Islam. Penyelidikan berorientasikan futuristik masa kini mungkin sahaja menggunakan metode saintifik dalam pemerhatian, berhipotesis dan bereksperimen namun ia harus berdasarkan teori dan epistemologi Islam yang berlandaskan syariah. Pengaplikasian sistem syariah merangkumi semua bidang dan aktiviti manusia hari ini seperti sains, teknologi, ekonomi, sosial, politik, alam sekitar dan sebagainya. Sintesis Sardar juga menjadikan tazkiya sebagai alternatif masa hadapan Islami melalui enam komponen instrumen: zikir, ibadah, taubat, muhasabah dan doa. Tazkiyah adalah penjana kesedaran sendiri yang “futuristik” bukan setakat 10 atau 50 tahun tetapi untuk sepanjang hidup hingga akhirat.

Sardar (1988) cuba mengetengahkan pemikiran semasa Islam dengan memahami budaya sains moden yang mensasarkan dua perkara, (i) menyerlahkan Islam sebagai satu peradaban semasa yang bersifat hidup, dinamik dan mengkritik Barat melalui pandangan dan kepentingan Islam; dan (ii) proses menyegar dan mengkontemporarikan peradaban Islam pada masa hadapan. Sardar menjelaskan pendekatan konstruktif peradaban Islam harus dibina semula sedikit demi sedikit berdasarkan kategori dan konsep Islam sebagai peradaban masa depan yang bersifat terbuka dan berupaya memenuhi kehendak masyarakat plural. Sardar berbeza daripada sarjana Muslim lain dalam menjelaskan negara Islam Madinah yang tidak seharusnya ditiru sepenuhnya disebabkan perbezaan keperluan zaman. Sebaliknya, yang perlu diteladani dan dicontohi ialah “roh” semangat negara Islam Madinah dan nilai yang didokong

oleh masyarakat Madinah. Sebagaimana yang dinyatakan Sardar, "the norms which the companions of the Prophets set themselves were the best possible in their own conditions." Secara teorinya perkara ini boleh direalisasikan, namun keadaan pada masa hadapan memerlukan pembentukan masyarakat yang berkemampuan untuk merealisasikan nilai Islam yang kelihatan lebih besar cabarannya berbanding zaman para Sahabat terdahulu.

Usaha memperhebatkan (revitalisation) peradaban Islam menurut Sardar seharusnya bermula melalui transformasi dalaman. Proses gerakan Islam sebagai sebuah peradaban harus berdasarkan penglibatan dalam sistem pentadbiran (participatory governance); keadilan sosial dan modal insan dengan masyarakat berasaskan-pengetahuan (knowledge-based society) yang komited dengan konsep tugas pengibadatan dan pengabdian kepada Yang Maha Pencipta serta pembangunan ilmu pengetahuan, ilmu teknikal dan saintifik yang berupaya meningkatkan kehidupan ummah.

Sardar (1988) selanjutnya menjelaskan alternatif masa depan Islam seharusnya dibentuk daripada pandangan sejagat dan peradaban Islam. Sardar mencadangkan Projek Umran sebagai pelan utama bagi menggariskan strategi mencapai peradaban Islam. Sardar menyatakan terminologi "umran" yang sebenarnya diasaskan oleh Ibn Khaldun (1332-1406) menjelaskan peradaban dinamik. Berdasarkan projek ini, sasaran pembangunan semula masa depan membolehkan Muslim menetapkan standard pencapaian berpandukan model negara Islam Medina. Sardar menyatakan projek ini menyediakan kerangka konseptual dan plan operasi bagi alternatif masa depan Muslim yang melibatkan perancangan yang tidak rigid (flexible), berkembang, boleh dimodifikasi dan dikemaskini. Projek Umran bukan konsep ideal yang khusus untuk masa depan masyarakat tertentu sebagaimana yang dibincangkan oleh Toffler, sebaliknya satu konsep masyarakat yang ideal berdasarkan pengalaman Rasulullah di Madinah.

Modus operandi Projek Umran dibina berasaskan pendekatan pembangunan penyelidikan dan sistem metodologi yang dikenali sebagai Sistem Warrd. Sistem ini mensasarkan peningkatan proses ijtihad dan fungsi syariah sebagai satu kaedah penyelesaian masalah. Proses ini berpandukan model Madinah (Medinan model) bagi menilai persekitaran masa depan yang diimplimentasikan melalui usaha institusi penyelidikan yang dianggotai oleh ulama dan sarjana Muslim moden yang saling bekerjasama demi kebajikan ummah. Sistem Warrd yang menggabungkan kaedah klasik dan moden merupakan penggerak kepada proses pembaharuan fungsi semula ijtihad, membina semula kefahaman baru dan tafsiran terhadap pandangan sejagat Islam. Pendekatan kedua-dua modus operandi projek ini ialah penubuhan visi sistem Muslim, yakni visi jangka panjang, jangka sederhana dan jangkamasa pendek. Pendekatan ini bertujuan bagi menyediakan Muslim mendepani masa depan yang lebih baik. Idea masa depan Sardar ini menggabungkan pendekatan teori dan praktikal yang bertujuan membantu proses penggubalan dasar dan polisi.

Sungguhpun idea kajian Masa depan yang dikemukakan Sardar ini merupakan satu program untuk memperbaiki permasalahan ummah, namun tidak banyak perhatian dan respon positif diterima daripada umat Islam khususnya para pemimpin dan sarjana. Hakikatnya tidak banyak peningkatan terhadap kesedaran kajian masa depan sehinggakan buku *The Future of Muslim Civilization* menjadi satu-satunya penerbitan ilmiah yang menjelaskan tentang Masa depan Islam dan pendekatan metodologi futuristik yang sistematik. Namun begitu, tidak dinafikan terdapat perkembangan positif terhadap keprihatinan terhadap keperluan



perancangan masa depan seperti Wawasan Malaysia tahun 2020 dan kesedaran tentang masa depan di peringkat sekolah bagi generasi muda, penggunaan teknik masa depan bagi Bank Pembangunan Islam dan usaha golongan progresif Muslim dan Islam abad ke-21. Demikian juga program unggul Islam Hadhari yang dilaksanakan di Malaysia adalah satu cara menggesa masyarakat Muslim memikirkan semula cara hidup peradaban Islam dengan menghayati hikmah dan fungsi sebenar syariah serta mengekalkan kemerdekaan daripada beban sejarah penjajahan.

Secara keseluruhannya, Sardar (1988) merumuskan faktor utama yang memberi kesan kepada perubahan ialah 'memikirkan semula tentang Islam' (rethinking Islam) sebagaimana yang disasarkannya dalam Projek Umran. Proses memikirkan semula tentang Islam ini boleh dilaksanakan dengan menitikberatkan peranan syariah dalam masyarakat Muslim. Sardar menyatakan kefahaman terhadap kesucian syariah seharusnya tidak menjadi sebab untuk menjadikannya terlalu rigid sehingga membantutkan perkembangan warisan legasi pemikiran Islam sehingga Islam dianggap sebagai satu simbol perlambangan yang diasosiasikan dengan peraturan amalan tertentu. Pandangan dan tafsiran rigid tentang Islam dan syariah ini telah melahirkan golongan eksklusif tetapi tidak menjadi golongan intelektual yang terdidik dengan hikmah dalam memahami Islam mengikut cara yang sebenar. Justeru, Muslim perlu mereformasikan syariah dan pada masa yang sama memformulasikan semula usaha dan perancangan pembangunan peradaban dengan acuan world-view Islam bagi mencapai kemakmuran ummah khususnya dan keharmonian kemanusiaan global umumnya. Proses ini melibatkan pentafsiran teks agama mengikut masa dan konteks kerana syariah itu merupakan satu set prinsip dan kerangka nilai yang menyediakan panduan kepada masyarakat Muslim yang bukannya bersifat statik tetapi dinamik sepanjang zaman. Dengan kata lain, syariah seharusnya menjadi alat atau metode penyelesaian-masalah.

Idealisme sardar dalam membentuk alternatif masa depan Islami begitu relevan dan boleh di aplikasi dalam konteks membina masa depan peradaban Islam di Malaysia. Rancangan pembinaan masa depan Islam sememangnya telah sekian lama wujud namun tidak dijelaskan secara terperinci kerangka konsep dan hala tuju yang menjadi dasar pembinaan peradaban Islam pada masa depan. Namun tidak dinafikan gagasan dan halatuju dasar Islamisasi dan penerapan nilai Islam dalam sistem pentadbiran negara telah dibangunkan dengan pendekatan yang berbeza mengikut fasa pentadbiran Perdana Menteri Malaysia.

### ***Peradaban Islam dalam konteks Malaysia***

Persoalan pembangunan peradaban Islam di Malaysia pada masa depan merupakan satu wacana yang menjelaskan tentang hubung kait antara teori dan idealisme kajian futuristik dengan perancangan Malaysia membangun negara maju berpaksikan prinsip peradaban Islam. Secara ringkas, Mohd Roslan Mohd Nor (2010: 196) menjelaskan peradaban atau tamadun ialah suatu bentuk masyarakat yang hidup dalam keadaan tersusun, mempunyai sistem dalam pelbagai aspek kehidupan, mempunyai adab dan akhlak baik serta boleh berinteraksi antara satu sama lain untuk mencapai satu kesepakatan dalam membangun masyarakat.

Ibn Khaldun melalui bukunya Muqaddimah (1995) atau "Prolegomena" menggunakan istilah 'umran bagi menjelaskan makna peradaban yang merangkumi organisasi sosial dan budaya. Ibn Khaldun memperkenalkan ilmu umran atau sains peradaban dalam rangka mengungkap fenomena kemanusiaan, sosial dan peradaban manusia. Model peradaban Ibn

Khaldun mengambil kira segala aspek biologi, fizikal, spiritual dan fitrah manusia (Laily Paim 2007: 8). Ia merupakan suatu model keseimbangan peradaban dalam memenuhi tuntutan tabii manusia, jasmani dan rohani (Osman Bakar et al 2009: 6). Ibn Khaldun mengenal pasti faktor-faktor ekonomi, sosial, psikologi dan persekitaran yang menyumbang kepada kemajuan peradaban manusia (Mohd Rafie Johan 2007: 93).

Ibn Khaldun melihat peradaban sebagai cara kehidupan manusia dalam kumpulan yang berbeza, tanpa mengambil kira sama ada kehidupan tersebut di dalam ataupun di luar bandar dan tinggal bersama dalam satu organisasi. Beliau menganggap sistem organisasi manusia adalah satu perkara penting yang mempengaruhi peradaban. Ibn Khaldun menyediakan satu mekanisme penting yang menjadi pengukur kepada sesebuah peradaban atau tamadun, iaitu suatu pencapaian hanya akan dianggap sebagai tamadun apabila perkara-perkara yang berkaitan dengan asas (daruriyyah) dan keperluan (hajjiyyah) telah disempurnakan. Ini bermakna tamadun ialah satu tahap atau peringkat penyempurnaan (tahsiniyyah) yang melengkapkan segala perkara yang diperlukan oleh manusia (Osman Bakar et al 2009: 38). Penyempurnaan dalam erti kata segala keperluan manusia telah dipenuhi dengan segala bentuk pencapaian fizikal, mental dan spiritual.

Apabila dikaitkan dengan konsep peradaban Islam, ia dapat difahami sebagai sebuah tamadun atau peradaban yang dibina atas kerangka agama Islam itu sendiri sebagai al-din yang diasaskan dengan akidah, diikat dengan syariah, akhlak dan semua prinsip Islam. Ini menjadikan tamadun Islam berbeza dengan tamadun lain tentang aspek kehidupan, pendidikan, falsafah, kebudayaan dan sebagainya. Secara perbandingan, tamadun lain melihat pencapaian manusia dari aspek kebendaan semata-mata sebagai ukuran kepada ketamadunan manusia. Fahaman kebendaan seperti ini jelas berterusan menguasai minda pemikir-pemikir tamadun Barat seperti yang dinukilkan oleh Osman Bakar et al. (2009: 36) melalui pandangan Fiebleman “tamadun ialah kepandaian masyarakat mengeksploitasi material”, “tamadun Barat lebih mementingkan kebendaan kerana membawa kepada kemajuan” dan Arnold Toynbee “suatu sistem masyarakat yang dapat membantu manusia menambah hasil pengeluaran atau produktiviti dan mempunyai empat unsur, iaitu bahan ekonomi, sistem politik, pengetahuan dan seni.”

Dalam konteks perbahasan mengenai tamadun Malaysia berteraskan Islam, sesungguhnya Islam merupakan struktur yang berintegrasi dalam wadah keMelayuan bagi tamadun Malaysia. Islam bukan sahaja menjadi faktor yang mentakrif Melayu, juga dimaktubkan di dalam perlembagaan Malaysia bahawa Islam adalah agama bagi persekutuan Malaysia, dan setiap raja atau sultan adalah ketua agama bagi setiap negeri di dalam Persekutuan Malaysia. Peruntukan ini termaktub di dalam Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan Malaysia, dan peruntukan ini membolehkan kerajaan pusat melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan kerajaan negeri melalui pihak berkuasa agama negeri melaksanakan pembangunan Islam dalam pelbagai bidang (Ali Mohammad 2008: 68).

Selepas mencapai kemerdekaan, Malaysia berusaha mewujudkan satu jati diri kebangsaan bagi warganegaranya seperti yang termaktub di dalam Akta Pendidikan (1961) dan Akta Bahasa (1967). Dasar ekonomi mula diperkenalkan iaitu Dasar Ekonomi Baru (DEB) (1971) Dasar Kebudayaan Kebangsaan (1971) dan Rukun Negara (1971) sebagai wahana mencapai perpaduan kaum. Keseluruhan dasar tersebut merupakan instrumen yang menyumbang kepada pembinaan bangsa Malaysia dan tamadun Malaysia khususnya dari segi sosiobudaya dan sosiopolitik. Keseluruhan dasar-dasar tersebut dimantapkan pula dengan proses penerapan nilai-nilai Islam yang selari dengan nilai-nilai universal di dalam pentadbiran negara. Islam terus memainkan peranan penting dalam pembinaan tamadun

Malaysia. Kekuatan sistem nilai Islam, yang berpaksikan ketauhidan, sama ada nilai sosial, politik dan budaya yang berasaskan prinsip 'pertengahan' (keseimbangan) memantapkan identiti Melayu (Ali Mohammad 2008: 69). Kekuatan inilah yang telah mencorak peradaban Islam sebagai asas kepada pembangunan tamadun Malaysia pada masa depan..

### ***Pembangunan Peradaban Islam Masa kini dan Kelangsungannya Pada Masa Depan***

Pembangunan Islam masa kini boleh ditelusuri daripada pengalaman sejarah kedatangan Islam dan kesannya pada masa depan. Hal ini sejajar dengan idealisme pemikiran futuristik Sardar "The Future is in the Past" sebagaimana yang digambarkan daripada pengalaman sejarah awal Islam sehingga akhirnya membentuk kegemilangan Islam pada fasa zaman selanjutnya iaitu zaman sahabat dan tabiin. Dalam konteks pembangunan peradaban Islam di Malaysia, kedatangan Islam telah membawa banyak perubahan dan kesan kepada corak pemikiran dan sosio-budaya masyarakat Melayu. Agama Islam telah membawa ajaran dan tamadun yang lebih tinggi dan lengkap, lebih rasional serta lebih mudah diterima oleh masyarakat Melayu. Berpandukan kepada konsep rasionalisme inilah, masyarakat Melayu dengan sendiri menolak kepercayaan tahyul dan fahaman animisme. Walaupun pengaruh Hindu tidak dapat dilunturkan sepenuhnya berikutan dari pertapakan dan perkembangan Islam, namun secara umumnya dapat mengubah cara hidup orang Melayu bersesuaian dengan ajaran Islam (Ali Mohammad 2008: 68-84). Beberapa aspek pembaharuan dan perubahan yang dibawa oleh Islam terhadap orang Melayu ialah aspek sosial, budaya dan pemikiran. Pengaruh Islam merupakan suatu kesan menyeluruh berasaskan paradigma tauhid yang tidak hanya melibatkan pertukaran watak luaran tetapi terkesan daripada falsafah dan pemikiran Islam yang tulen. Ledakan tauhid telah membuahkan kehidupan beribadah, menghiasi akhlak yang bernilai tasawwuf dan mencetus perubahan lain seperti dalam bidang sosial, politik, perundangan, keilmuan, kesusasteraan atau persuratan dan sebagainya.

Ciri sosial Islam juga telah bertapak secara beransur-ansur yang menekankan persamaan taraf dan persaudaraan antara semua anggota masyarakat sehingga berjaya mewujudkan perpaduan, kemesraan dan semangat bantu membantu antara satu sama lain (Ali Mohammad 2008: 70). Bagi mendidik masyarakat, Islam telah memperkenalkan hukum dan peraturan berdasarkan al-Qur'an dan al-Hadith bagi mengatur sistem perhubungan sosial dan kekeluargaan. Selain itu, institusi kemasyarakatan turut dibina seperti masjid, surau, madrasah yang memainkan peranan utama dalam hubungan sosial harian. Sementara itu, salah satu aspek utama perubahan dalam bidang politik dan pentadbiran ialah Islam berjaya mempengaruhi sifat dan watak pemerintah atau sultan serta mendorong mereka supaya meminati ilmu dan mendekati para ulama sehingga istana-istana menjadi pusat pengajian Islam. Kedatangan Islam ke rantau ini telah banyak memberi kesedaran dalam aspek pendidikan dan ilmu pengetahuan masyarakat Melayu.

Salah satu aspek perubahan penting yang telah dicetuskan oleh Islam di rantau ini ialah bidang perundangan. Di Melaka contohnya, terdapat dua teks penting undang-undang yang ternyata sekali banyak terpengaruh dengan ajaran Islam iaitu Hukum Kanun Melaka dan Undang-undang Laut Melaka. Perihal pengamalan Islam sebagai undang-undang di Tanah Melayu telah pun dibuat dalam suatu keputusan dalam mahkamah Inggeris yang mengatakan bahawa sememangnya Undang-undang Islam itu adalah undang-undang asal negeri ini (Ali Mohammad 2008: 78). Namun begitu, pengaruh Islam mula terjejas apabila Tanah Melayu jatuh ke tangan penjajah dan situasi ini berlanjutan sehingga negara mencapai kemerdekaan

tahun 1957 apabila aspek sosial, politik undang-undang dan ekonomi tidak lagi berlandaskan nilai dan sistem Islam, sebaliknya didasari dengan sistem sekular Barat.

Dalam konteks pembangunan peradaban dan penerapan nilai Islam di Malaysia masakini, rancangan membina peradaban masa depan mula diperkenalkan melalui beberapa gagasan yang diilhamkan mengikut fasa pemerintahan Perdana Menteri iaitu; Wawasan 2020 era Tun Mahathir Mohamad (1981-2003), Islam Hadhari era Tun Abdullah Ahmad Badawi (2003-2009) serta Gagasan 1Malaysia dan Transformasi Nasional era Datuk Sri Najib Tun Razak (2009-kini). Gagasan Wawasan 2020 yang diilhamkan mantan Perdana Menteri Tun Mahathir Mohamad bertujuan menjadikan Malaysia sebagai negara maju mengikut acuan sendiri. Agenda nasional ini meliputi pembangunan ekonomi, sosial, politik, pendidikan, kerohanian, psikologi, budaya, moral-etika dan sains-teknologi. Matlamat akhir yang disasarkan ialah Malaysia akan muncul sebagai negara berstatus maju sepenuhnya menjelang tahun 2020 (Ahmad Sarji [ed.] 2003: 55). Menerusi strategi sembilan gagasan yang melibatkan aspek utama dan aspek kritikal yang dikenal pasti, kerajaan menyasarkan agar setiap etnik di Malaysia kembali ke landasan dan hala tuju yang sama iaitu beriltizam dan mengekalkan azam untuk membangun dan memajukan Malaysia. Strategi Wawasan 2020 menegaskan sembilan cabaran yang meliputi isu-isu dalam aspek utama berdasarkan situasi negara Malaysia menjadi fokus utama untuk dimajukan.

Sesungguhnya, gagasan Wawasan 2020 merupakan pemugaran strategi nasional bagi mendepani sembilan cabaran demi memberi kehidupan yang lebih berkualiti dan aman sejahtera kepada rakyat Malaysia. Sembilan cabaran yang melibatkan isu-isu dalam aspek utama pembangunan negara yang digariskan merupakan pemantapan dan juga strategi bagi mendepani sebarang rintangan ke atas usaha menjayakan visi negara Malaysia. Gagasan ini direncanakan bagi merealisasikan sebuah negara maju dengan acuan sendiri menjelang tahun 2020. Dalam pelaksanaan strategi mendepani sembilan cabaran Wawasan 2020, agenda-agenda Islami negara sebenarnya berjalan serentak. Misalnya dari aspek ekonomi, sistem perbankan Islam diperkenalkan dan kini semakin berkembang dan menjadi alternatif masyarakat Malaysia masakini. Pengalaman sejarah turut mencatatkan Malaysia telah mempunyai pengalaman “Islamic Resurgence” pada akhir 1970an; proses program “Islamisation” pada awal tahun 1980an; pengaruh pengalaman PAS impak daripada “Islamic Revival”; di samping visi UMNO, “Modernist Islam” diikuti kemudiannya dengan “Islam Hadhari”. Hal ini menunjukkan penerapan nilai Islam dalam agenda dan dasar negara telah sekian lama dijalankan dan berlanjutan apabila gagasan 2020 dibangunkan sebagai hala tuju pembangunan negara.

Umi Khattab (2004) menjelaskan wawasan 2020 telah membentuk satu nilai baru warga Malaysia di mana mantan Perdana Menteri Tun Mahathir berjaya mentransformasikan kehidupan Melayu-bumiputera daripada kehidupan nelayan kepada kehidupan di bandar cyber. Namun begitu, usaha transformasi ini agak kurang berjaya dari aspek mengubah sepenuhnya sikap dan mentaliti orang Melayu yang masih belum progresif dalam pelbagai bidang. Dari sudut pencapaian Wawasan 2020, Tun Mahathir berpendapat:

*“Malaysia masih boleh mencapai Wawasan 2020 sekiranya ia berubah daripada sebuah negara berorientasikan eksport kos rendah kepada ekonomi kos tinggi yang berasaskan kepada aktiviti ekonomi domestik. Malaysia sejak sekian lama bergantung kepada pertumbuhan berorientasikan eksport di mana ia mengeluarkan barangan murah untuk dijual di pasaran dunia. Sudah sampai masanya untuk membangunkan*

*negara kita daripada aktiviti perniagaan dalaman. Kita boleh melakukannya sekiranya kerajaan dan sektor swasta bekerjasama membangunkan sebuah ekonomi baharu yang berasaskan kepada pertumbuhan domestik dan kurang bergantung kepada eksport.”* (Utusan Malaysia 1 Julai 2009).

Selain daripada Wawasan 2020, Malaysia turut memperkenalkan satu dasar Islamisasi iaitu Islam Hadhari bagi memantapkan pembangunan negara maju berperadaban Islam. Pada 23 September 2004, mantan Perdana Menteri Tun Abdullah Ahmad Badawi mengumumkan pelaksanaan Islam Hadhari sebagai satu “pendekatan baharu” yang ingin dibawa oleh kerajaan bagi pelengkap kepada agenda membina masyarakat Malaysia yang bertamadun.

Sesungguhnya konsep hadhari ini merupakan gagasan pemikiran dan gerak kerja yang amat bermakna bagi Malaysia dalam usaha membangun sebuah negara maju serta bertamadun dalam kerangka ajaran Islam sebagai agama rasmi negara. Pada asasnya, konsep hadhari merujuk kepada amalan agama yang menekankan soal ketamadunan, pembangunan dan kemajuan, yang bersifat komprehensif dan seimbang. Hal ini merujuk kepada keperluan untuk menggabungkan kecemerlangan aspek fizikal dan spiritual, duniawi dan ukhrawi dan kejayaan peribadi dan kesejahteraan masyarakat. Bagaimanapun, disebabkan ada umat Islam yang terkeliru dan mengabaikan salah satu dan kedua-dua aspek, maka nilai hadhari ini perlu ditekankan bagi meletakkan kembali umat Islam pada landasan sebenar mengikut syariatnya. Dalam sejarah pentadbiran negara, nilai-nilai hadhari sememangnya dilaksanakan sejak negara mencapai kemerdekaan.

Usaha membasmi buta huruf dan program membasmi kemiskinan merupakan sebahagian daripada hadhari walaupun ia tidak disebut dengan istilah sedemikian. Begitu juga dengan dasar-dasar yang bertujuan memperbaiki kedudukan ekonomi Malaysia dan umat Islam semuanya merupakan sebahagian daripada ciri hadhari. Dasar-dasar kerajaan seperti Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Wawasan 2020 juga selaras dengan hadhari. Pendekatan Islam Hadhari dilihat sebagai satu program yang mampu menyedarkan masyarakat Melayu mengenai keupayaan Islam untuk membawa kemajuan. Hal ini menuntut perubahan sikap dan sistem budaya lama yang tidak positif melalui agenda dan pendekatan Islam Hadhari yang mementingkan pembudayaan ilmu pengetahuan, pengukuhan identiti Muslim dan penjanaan Islam dalam bentuk amali. Islam Hadhari yang diertikan sebagai Melayu yang kembali kepada akar budaya tradisinya, yakni Islam Hadhari Melayu Baru adalah Melayu yang diperbaharui komitmen keIslamannya dan ketamadunannya; suatu proses transformasi manusiawi yang memberikan jiwa dan citra baru kepada bangsa Melayu Islam; suatu revolusi budaya yang memberi nilai-nilai dinamik yang terpancar dari ajaran Shariah Islamiyyah; dan sebuah revolusi intelektual untuk memulakan tamadun ilmu di rantau ini (Khadijah 2004).

Kerelevanan Islam Hadhari dalam konteks pembangunan tamadun Islam di Malaysia dapat dilihat daripada sudut matlamat dan strategi pelaksanaannya masa kini. Pendekatan Islam Hadhari bermatlamat menekankan pembangunan dan pembinaan peradaban berdasarkan pandangan semesta Islam dengan memberi tumpuan kepada mempertingkatkan mutu kehidupan melalui penguasaan ilmu, pembangunan insan serta pembangunan fizikal. Islam Hadhari juga berusaha memenuhi maqasid al-syariah dengan menjaga, memartabat dan memperkasa agama, akal, nyawa, harta, keturunan, maruah, institusi keluarga dan alam sekitar.



Mohd. Kamal Hassan (2011: 111) menjelaskan pendekatan Islam Hadhari menyediakan ruang dan peluang masyarakat Islam di Malaysia agar komited dengan sejumlah strategi Islami yang relevan dengan pembangunan tamadun Islam. Antaranya, kefungisian ijtihad yakni memulihkan dan mencergaskan semula peranan pemikiran bebas dan kreatif seperti yang digalakkan oleh Islam; kepentingan jihad memperluas dan mentafsir semula konsep pencarian ilmu, mengejar sains dan teknologi, dan usaha untuk memperbaiki keadaan ekonomi; itqan yakni mengutamakan kualiti dalam semua aspek kehidupan masyarakat sebagai satu budaya; menggalakkan peranan dan misi Islam dan Muslim di seluruh dunia sebagai "rahmat bagi semua manusia" (rahmatan li-al-alam); mengurangkan tahap kebergantungan kepada orang lain atau kerajaan; menjadi masyarakat yang mencintai dan mengamalkan perintah Al-Quran untuk "membaca", iqra' sebagai petunjuk kewajipan orang-orang Islam untuk meluaskan sempadan ilmu; kesepaduan ilmu agama dan ilmu dunia kerana kedua-duanya perlu bagi kemajuan; dan meningkatkan kesedaran dalam kalangan generasi muda umat Islam bahawa Renaissance di Eropah sebenarnya telah lahir melalui hubungan Eropah dengan kemajuan sains dan teknologi tamadun Islam yang gemilang di Sepanyol.

Hakikatnya, konsep hadhari ini merupakan lanjutan kepada komitmen berterusan mengisi erti Islam sebagai agama rasmi negara yang ingin melihat kepentingan pembangunan spiritual yang setara sebagai komponen penting dalam kehidupan ummah. Keperluan memahami tasawwur Islam semakin mendesak apabila Islam sering dikaitkan dengan gejala negatif seperti kejahilan, kekolotan, kemunduran, penindasan dan keganasan. Seluruh ajaran Islam mesti difahami, ciri-ciri khusus, sistem nilai dan petunjuk sehingga dapat difahami matlamat dan tujuan manusia hidup di dunia. Salah satu daripada formula menjayakan Islam hadhari ialah dengan mencetuskan kemajuan dalam ilmu pengetahuan dan mewujudkan budaya penyelidikan. Fokus kepada kedua-dua bidang ini menjadi aset penting dalam mencorak masa depan bangsa, negara dan ummah yang cemerlang gemilang dan terbilang. Ini menjadi asas ke arah pembinaan peradaban Islam pada masa depan (Mohd. Shauki Abd. Majid Utusan Online 10/12/2006)

Peralihan kepemimpinan negara dari YAB Tun Abdullah Ahmad Badawi kepada Dato' Seri Najib Abdul Razak sebagai Perdana Menteri ke-6 turut membawa kepada peralihan dari sudut penekanan dan pendekatan yang ingin dibawa. Jika di bawah Perdana Menteri ke-5, istilah Islam Hadhari mendasari pandangan beliau terhadap memajukan Islam di Malaysia, kini istilah dan pendekatan tersebut tidak lagi kelihatan menjadi bahan bicara utama. Pendekatan baru yang dikemukakan adalah pendekatan 1Malaysia yang menjadi gagasan masa depan di bawah kepemimpinan Perdana Menteri ke-6. Program transformasi nasional yang diperkenalkan pada 25 September 2010 di bawah pimpinan Perdana Menteri, YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Razak telah mengasaskan gagasan 1Malaysia yang berprinsipkan 'Rakyat didahulukan, Pencapaian Diutamakan' (Mohd Roslan Mohd Nor 2010:208). Ia adalah satu gagasan untuk memperkukuh hubungan, memupuk perpaduan dan kerjasama dalam kalangan rakyat Malaysia yang merupakan masyarakat majmuk dengan pelbagai etnik, suku kaum, bahasa, budaya dan agama kepercayaan. Gagasan ini adalah satu formula yang membantu memastikan aspirasi negara tercapai. Gagasan ini dianggap sebagai senjata utama bagi menghadapi pelbagai ancaman dan cabaran yang boleh mengganggu gugat kestabilan politik, kesejahteraan hidup rakyat, kelestarian pembangunan dan keselamatan negara (1Malaysia 2010).

Gagasan 1Malaysia bukan dasar baharu yang terpisah daripada dasar-dasar kerajaan sebelumnya. Sebaliknya ia merupakan pelengkap kepada pendekatan sedia ada untuk mengukuhkan perpaduan. Gagasan ini menuntut setiap warganegara dan pemimpin

memainkan peranan masing-masing. Rakyat daripada pelbagai kaum dan agama perlu berfikir melepasi sempadan kaum masing-masing di samping melahirkan tindakan melepasi tembok kepentingan etnik dan kaum lain Pihak pemimpin pula meneruskan nilai dan tanggungjawab yang digarap semenjak kemerdekaan lagi iaitu pemimpin negara melayani kehendak dan keperluan semua kaum dan etnik di Malaysia dengan melebarkan khidmat mereka melepasi sempadan kaum masing-masing (1Malaysia 2010).

Secara makronya, dapat diperhatikan pembangunan Islam di Malaysia telah dilaksanakan dalam pelbagai bidang merangkumi aspek ekonomi, politik dan sosial. Misalnya, sistem perbankan Islam, sistem kewangan Islam dan takaful telah, sedang dan terus berjalan serta diinovasikan melalui proses ijtihad berasaskan syariah Islam. Usaha awal meningkatkan keupayaan ekonomi masyarakat Muslim mula diperkenalkan melalui Dasar Ekonomi Baru (DEB 1971-1990) yang bermatlamat membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dan menghapuskan identifikasi kaum dengan fungsi ekonomi. Walaupun DEB tidak mencapai sasaran sepenuhnya sehingga kerajaan menggantikannya dengan Dasar Pembangunan Nasional (DPN), namun DEB memberi impak yang besar dalam bidang sosioekonomi negara.

Di samping itu, usaha meningkatkan ekonomi umat Islam giat dijalankan melalui agihan zakat kepada golongan asnaf. Menurut Patmawati (2008), kutipan dan agihan zakat mempunyai implikasi sosioekonomi yang dapat dilihat dalam dua keadaan. Pertama, zakat sebagai agihan pendapatan dan kekayaan. Zakat berperanan sebagai mekanisma agihan semula pendapatan dan kekayaan tanpa menceroboh dan merendahkan hak pihak pembayar zakat. Zakat dengan konsep keadilan menyediakan mekanisma yang membolehkan sumber-sumber yang ada dalam masyarakat diagihkan kepada asnaf yakni golongan daif, fakir dan miskin yang sangat memerlukan. Ia dapat mengatasi masalah ketidakseimbangan dan penumpuan harta dalam kalangan golongan tertentu sahaja. Kedua, zakat sebagai jalan pembasmian kemiskinan dalam sesebuah negara Islam. Ini dapat mengelakkan rasa benci dan permusuhan di antara golongan kaya dengan miskin serta jenayah dalam masyarakat. Pusat-pusat zakat di Malaysia membantu golongan asnaf melalui enam jenis bantuan zakat berdasarkan pelbagai aspek sosioekonomi masyarakat iaitu bantuan penggunaan semasa (makanan dan sara hidup), perubatan, pendidikan, keusahawanan, keagamaan dan kecemasan.

## **KESIMPULAN**

Sebagai kesimpulannya dapat dijelaskan memahami kajian masa depan adalah suatu yang penting dan bermanfaat dalam merancang strategi pembangunan peradaban Islam. Dalam konteks pembangunan peradaban Islam di Malaysia, kajian futuristik Sardar yang bertemakan “the future is in the past” adalah relevan dalam menjelaskan usaha Malaysia ke arah membentuk negara maju berperadaban Islam pada masa depan. Situasi ini dibuktikan melalui gerak kerja dan gagasan yang diasaskan oleh Perdana Menteri melalui Wawasan 2020 era Tun Mahathir Mohamad (1981-2003), Islam Hadhari era Tun Abdullah Ahmad Badawi (2003-2009) serta Gagasan 1Malaysia dan Transformasi Nasional era Datuk Sri Najib Tun Razak (2009-kini). Melalui wawasan 2020, negara berjaya mentransformasikan kehidupan Melayu-bumiputera daripada kehidupan nelayan kepada kehidupan di bandar cyber. Manakala Islam Hadhari pula diperkenalkan bagi menyedarkan masyarakat Melayu Muslim agar sentiasa

berpegang kepada prinsip Islam walaupun telah mencapai negara maju. pendekatan Islam Hadhari menyediakan ruang dan peluang masyarakat Islam di Malaysia agar komited dengan sejumlah strategi Islami yang relevan dengan pembangunan tamadun Islam. Pembangunan Islam pada masa depan ini dilanjutkan melalui gagasan 1Malaysia yang menekankan perpaduan dan keterikatan social antara masyarakat berbilang etnik dan agama yang mensasarkan kemajuan ekonomi dalam pelbagai aspek transformasi nasional 2050 (TN50). Boleh dikatakan agenda Malaysia maju berlandaskan prinsip peradaban Islam sesungguhnya telah dirancang rapi dengan strategi membentuk masyarakat Melayu yang progresif dan kukuh dengan nilai-nilai Islami.

## **RUJUKAN**

- Ahmad Sarji (ed.). 2003. *Wawasan 2020 Malaysia: Memahami Konsep, Implikasi dan Cabaran*. Diterjemahkan oldatoreh Azwar Abd. Manan & Mohamad Abd Manaf. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad (ITNMB).
- Ali Mohammad. 2008. Sumbangan Tamadun Islam dalam Kehidupan Masyarakat di Alam Melayu hingga Abad Ke-17, *Journal of al-Tamaddun*, vol 3, pp. 68-84.
- al-Qardawi, Yusuf. 1996. *Islamic Culture between Tradition and Modernity* (trans. Ahmad Nuryadi Asmawi). Selangor (Malaysia): Thinker's Library.
- Dator, James. 1996. 'Futures Studies as Applied Knowledge' in Richard A. Slaughter (ed). *New Thinking for A New Millennium*. London: Routledge.
- Khadijah Mohd Khambali@Hambali. 2004. Islam Hadhari dalam Konteks Ketamadunan, Budaya dan Agama di Malaysia <http://e-journal.um.edu.my/filebank/published/article/6936/Jurnal.Usuluddin.20.2004-01.Khadijah.Hadhari.pdf>
- Mohd Rafie Johan. 2007. Ibn Khaldun dan Falsafah Sains. (Dalam) Azizan Baharuddin, Zaid Ahmad, Nurdeng Deuraseh, Sri Rahayu Ismail, Haslinda Abdullah. *Ibn Khaldun: Pemikiran Ibn Khaldun dan Relevansinya dalam Tamadun Kontemporari*. Kuala Lumpur: Pusat Dialog Peradaban.
- Mohd. Kamal Hassan. 2011. *Voice of Islamic Moderation from the Malay World*. Perak: Emerging Markets Innovative Research (M) Sdn. Bhd.
- Mohd. Shauki Abd. Majid, Utusan Online 10/12/2006
- Osman Bakar dan Baharudin Ahmad (ed.). 2009. *Ibn Khaldun's Legacy and Its Significance (International Conference Proceedings)*. International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC) & International Islamic University Malaya (IIUM). Kuala Lumpur.
- Rashid Ridha. 1954. *Tafsir al-Manar. al-Qahirah: Dar al-Maktabah*.
- Sardar, Ziauddin. 1988. *Islamic Futures: The Shape of Ideas to Come*. Selangor. Pelanduk Publication (M) Sdn. Bhd.
- Sardar, Ziauddin. 2010. The Namesake: Futures; futures studies; futurology; futuristic; foresight – What's in a name? *Futures*, 42, pp. 177-184.
- Toffler, Alvin. 1971. *Future Shock*. New York: Bantam Books.
- Toffler, Alvin. 1980. *The Third Wave: The Classic Study of Tomorrow*. New York: Bantam Books.
- Umi Khattab. 2004. *Wawasan 2020: Engineering a Modern Malaysia*. *Journal of Media Asia*, Vol. 31, Issue 3, p. 170-177.
- Utusan Malaysia 1 Julai 2009, *Wawasan 2020 boleh dicapai- Tun Mahathir*.

Wan Fariza Alyati Wan Zakaria. 2010. Future Studies In Contemporary Islamic And Western Thought: A Critical Study Of The Works Of Ziauddin Sardar, Mahdi Elmandjra, Alvin Toffler And Daniel Bell. Tesis PhD yang tidak diterbitkan, Department of Theology and Religion, The University of of Birmingham.  
[http://etheses.bham.ac.uk/882/1/WanZakaria10PhD\\_A1a.pdf](http://etheses.bham.ac.uk/882/1/WanZakaria10PhD_A1a.pdf).

*Hernawati Nasir*  
*Pelajar Sarjana*  
*Pengajian Islam di Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa,*  
*Universiti Malaysia Sabah*  
*myherma@yahoo.com*

*Suraya Sintang (PhD),*  
*Pensyarah Kanan di Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa,*  
*Universiti Malaysia Sabah*  
*surayasin12@gmail.com*